

01/04/1998

Barat tidak pernah adil terhadap umat Islam

Faizal Fadzil

DALAM ucapannya di perasmian Seminar Bersama Malaysia - Kesatuan Eropah (EU): Eropah dan Dunia Islam minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta masyarakat Eropah menghapuskan tanggapan buruk terhadap umat Islam bagi mengelakkan konfrontasi berpanjangan yang tidak berguna.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri menegaskan, umat Islam sendiri juga wajar menghargai keprihatinan dan kebaikan Eropah terhadap mereka.

Seruan bersifat 'reciprocal' itu bermatlamat menyelesaikan konflik dan pertembungan tamadun di antara Eropah dan Islam pada masa depan, hubungan yang sehingga hari ini jelas dibelenggu sejarah silam menerusi Perang Salib di antara Kristian Eropah dan Muslim sejagat.

Bagaimanapun, harapan itu mungkin tinggal impian jika sikap pimpinan kedua-dua pihak Islam dan Eropah serta Amerika Syarikat, sebagai satu kuasa besar tunggal pada masa kini, tetap tidak berubah. Ini kerana kuasa melaksanakan perubahan sikap dan minda masyarakat lebih mampu dilaksanakan 'dari atas ke bawah'.

Pemimpin yang akan memandu masyarakat, menentukan corak pemikiran dan perspektif rakyat terhadap sesuatu perkara atau sekelompok masyarakat lain, menerusi kekuatan media.

Biasanya, dalam persidangan mengenai Islam dan Eropah atau Islam dan Barat, boleh dikatakan hampir 100 peratus peserta di persidangan itu termasuk pihak kerajaan melahirkan keazaman tinggi untuk memastikan usaha meningkatkan hubungan sesama mereka dimaksimumkan.

Dalam seminar 'Eropah dan Dunia Islam' di Kuala Lumpur baru-baru ini juga, Duta Sweden ke Prague, Ingmar Karlsson, mencadangkan beberapa langkah bagi memastikan imigran muslim di Eropah berasa diri mereka diterima di kalangan masyarakat di benua berkenaan.

Antara cadangannya ialah:

- \* Islam diiktiraf sebagai satu agama 'domestik' di Eropah kerana di sesetengah negara seperti di Sweden, penganut Islam lebih ramai daripada penganut Katholik.

- \* Pendidikan agama Islam bukan hanya diperbaiki, malah diwajibkan di setiap sekolah kerana ketiadaan fahaman mengenai agama itu di kalangan bangsa Eropah hanya akan menerbitkan prejudis dan kebencian terhadap umat Islam.

- \* Media juga harus memperbetulkan pandangannya yang stereotaip terhadap Islam ketika ini.

- \* Masyarakat mesti melindungi semua orang Islam yang mahu diintegrasikan dalam masyarakat Eropah bukan saja yang menerima ancaman dan tekanan daripada ekstremis tempatan, malah ekstrimis Islam.

- \* Imigran Islam perlu diberi peluang untuk merangka dan melahirkan pandangan dan kehendak mereka.

- \* Eropah harus melaksanakan pembangunan, kerjasama dan dasar luar yang dibentuk untuk mengurangkan tekanan imigrasi dan untuk memastikan imigrasi lebih teratur dari segi kemanusiaan dan politik.

"Jika imigran diintegrasikan dengan cara ini, masyarakat Islam di Eropah boleh menjadi jambatan di antara Eropah dan negara asal mereka," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Islam, Malaysia dan Eropah' di seminar itu.

Malangnya, suara-suara kedamaian seumpama itu hanya dilahirkan oleh pegawai-pegawai kecil dalam kerajaan khususnya negara-negara Eropah.

Jika lahir daripada pimpinan kerajaan sekalipun, ia hanya dikongsi bersama oleh segelintir pemimpin negara kecil.

Kebanyakan pemimpin kuasa besar Barat, menerusi agenda dan tindakan mereka, jelas kelihatan tidak mempedulikan nasib orang Islam terutama jika tidak mempunyai kepentingan terhadap negara berkenaan atau bertentangan dengan dasarnya.

"Umat Islam yang menetap di negara-negara Eropah sering menjadi mangsa serangan. Begitu juga dengan pelancong Eropah di tanah umat Islam. Sudah tentu serangan ke atas umat Islam di Bosnia tidak perlu diulas lagi. Mereka bukan bangsa Turki atau Arab. Mereka berbangsa Eropah. Tetapi oleh kerana mereka beragama Islam, mereka menjadi mangsa serangan yang paling teruk berlaku di zaman moden ini," jelas Dr Mahathir bagi merakamkan tindak tanduk Eropah yang tidak disenangi umat Islam.

Sikap pimpinan kuasa besar Barat yang kurang mempedulikan nasib umat Islam diburukkan dengan laporan media Barat yang tidak pernah adil terhadap umat Islam.

Keadaan itu mengukuhkan lagi rasa sangsi umat Islam yang rata-ratanya pernah dijajah oleh bangsa Eropah satu ketika dulu.

"Jika usaha untuk memahami Islam kontemporari sering dihalang oleh propaganda negatif yang berkuasa mengenai Islam oleh media Barat dan institusi politik yang berkuasa termasuk Komander Nato, usaha umat Islam untuk memahami Eropah ketika ini dikaburi oleh memori kolektif mengenai koloni dan imperialisme Eropah," kata Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Profesor Mohd Kamal Hassan, yang kini menjadi Profesor Pelawat di Universiti Georgetown, Amerika Syarikat.

Sebagai kuasa yang masih mengawal perjalanan masyarakat sejagat, pemimpin dan media Amerika Syarikat dan Eropah sebenarnya mampu melaksanakan tindakan yang lebih berkesan bagi memperbaiki hubungan Islam dan Barat.

Tindak-tanduk politik terhadap umat Islam atau negara-negara umat Islam seperti Palestin dan wilayah bekas Yugoslavia sepatutnya lebih cenderung memihak kepada umat Islam yang sehingga hari ini sering berada di pihak yang tertindas.

Selagi umat Islam melihat saudara mereka di Barat terus tertindas, tidak mungkin mereka meyakini keikhlasan Amerika Syarikat dan Eropah terhadap Islam.

Jika umat Islam melihat sesebuah negara di Eropah kelihatan cenderung berpihak kepada Islam dalam sesuatu isu yang bertentangan dengan dasar Amerika, umat Islam menganggap dasar negara Eropah itu lebih didorong keinginan untuk menonjolkan dirinya sebagai negara yang bebas daripada pengaruh Amerika atau mempunyai kepentingan sendiri.

Sukar bagi umat Islam untuk menerima 'kebaikan' itu secara ikhlas kerana dalam isu lain, negara Eropah yang sama mungkin lebih cenderung berpihak kepada Amerika sekali gus mengabaikan kepentingan umat Islam.

Media Barat juga boleh membantu mengukuhkan hubungan Islam-Eropah. Menerusi penjelasan mengenai Islam oleh pihak yang lebih berautoriti mengenai Islam menerusi media di Barat, masyarakat Eropah dan Barat mungkin lebih memahami Islam yang sejati dengan nilai-nilai universal.

Bagaimanapun, satu persoalan akan timbul? Siapa yang berhak menentukan golongan mana yang dianggap 'autoriti' bagi memberi penjelasan mengenai Islam kepada media Barat.

Sejauh manakah umat Islam di Amerika Syarikat dan Eropah sendiri bersatu sesama mereka dan bersetuju mewujudkan satu institusi tunggal Islam yang diiktiraf sebagai berhak memberi penjelasan mengenai Islam?

Biasanya, apabila berlaku konflik atau peperangan seperti serangan PBB terhadap Iraq pada 1991, media Barat akan berusaha mendapatkan pandangan umat Islam di negara mereka.

Bagaimanapun, ada kalanya pandangan yang diberi oleh tokoh agama Islam di Amerika Syarikat yang lebih berpeluang memberikan ulasan dalam keadaan yang lebih 'tenang', berbeza dengan tokoh Islam di Timur Tengah yang memaparkan perspektifnya dengan keadaan yang lebih mengikut perasaan kerana terbabit secara langsung dengan peristiwa itu.

Bagaimanapun, paling penting umat Islam sendiri tidak seharusnya meminta ihsan Eropah atau Barat bagi memastikan diri mereka diterima dalam kelompok Eropah.

"Barat tidak semaju yang disangka. Begitu juga Islam tidaklah semundur yang dianggap," kata Pengarah Pusat Kajian Islam Oxford (Ocis), Dr Farhan Ahmad Nizami.

"Umat Islam tidak harus jadi penumpang di Eropah. Mereka mesti yakin terhadap diri sendiri dan identitinya.

"Mereka harus menyumbang terhadap perkembangan tamadun di benua itu. Jika sumbangan itu mendapat pengiktirafan, saya yakin sikap prejudis masyarakat Eropah terhadap umat Islam akan terhapus," katanya yang mengakui Ocis tidak putus-putus menghasilkan karya bagi memperbaiki perspektif Eropah terhadap Islam.

Cabaran Dr Farhan tidak harus diketepikan oleh umat Islam kerana hanya dengan menguasai tamadun sahaja, umat Islam akan dipandang tinggi oleh mana-mana bangsa di dunia sekalipun.

Kegagalan menyumbang sekali gus menguasai tamadun dunia akan memastikan umat Islam terus akan menjadi pemborong kepada budaya dan tamadun Barat dan Eropah dan terus tunduk kepada semua bentuk pemikiran dan arahan politik, ekonomi dan sosial ummah.

(END)